

29 APR 1997

Noordin-Kongres

UCAPAN ALUAN NOORDIN SOPIEE BERUPA SAJAK UNTUK PM

PETALING JAYA, 29 April (Bernama) -- Kira-kira 800 peserta dan tetamu undangan majlis perasmian Kongres Kebangsaan Wawasan 2020 selama dua hari di sini, bermula hari ini, dihidangkan dengan sebuah sajak pendek yang berbentuk "futuristic".

Pengerusi jawatankuasa kongres, Datuk Noordin Sopiee, dalam ucapan alu-aluannya yang berbentuk sajak itu, berkata generasi akan datang pasti terkejut apabila mengetahui pernah terdapat seorang pemimpin yang berani dan bersemangat tinggi 100 tahun sebelum mereka.

Katanya, pemimpin itu ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah melahirkan satu wawasan luar biasa yang bukan sahaja diterima oleh rakyat yang diterajuinya, malah mereka bersama-sama berusaha untuk menjayakannya sehinggalah Malaysia maju seperti apa yang mereka nikmati.

Noordin, yang juga Ketua Pengarah Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), berkata apabila sejarawan menulis sejarah negara kira-kira 100 tahun daripada hari ini, mereka pasti akan sedar betapa rakyat Malaysia pada ketika itu amat terhutang budi kepada generasi sekarang.

Ini kerana segala kejayaan dan kemajuan yang mereka nikmati adalah hasil wawasan luar biasa yang dicetuskan Perdana Menteri sekarang dan dijayakan bersama-sama dengan rakyat yang diterajuinya, katanya pada perasmian kongres itu oleh Dr Mahathir di Bandar Sunway, dekat sini.

Berikut sajak yang dibaca oleh Noordin:

Seratus tahun dari hari ini, ketika para sejarawan menulis sejarah negara kita, mereka akan menyatakan bahawa pada akhir generasi pertama Malaysia sebagai sebuah negara merdeka, beberapa perkara yang luar biasa telah berlaku.

Seorang negarawan yang amat terulung menjadi Perdana Menteri. Nama beliau: Mahathir bin Mohamad.

Suatu wawasan luar biasa telah digubal dan diterima oleh rakyat negara Malaysia. Nama wawasan itu: Wawasan 2020.

Sebelum Wawasan 2020, negara kita tidak tahu-menahu ke mana ianya menuju. Dasar Ekonomi Baru telahpun tamat. Kesemua isu-isu asas yang tidak dapat diputuskan dalam jangka masa 30 tahun selepas kemerdekaan ditimbulkan semula. Rakyat Malaysia terkeliru. Masa depan Malaysia tidak jelas.

Dalam keadaan ini, Mahathir bin Mohamad mengutarakan pandangan beliau mengenai arahtuju negara.

Saya yakin para sejarawan, seratus tahun dari hari ini, akan menyatakan: Pandangan Mahathir bin Mohamad itu kreatif. Realistik. Dan Berani.

Tidak ramai yang hidup pada ketika itu mempunyai keberanian dan semangat untuk menyatakan apa yang perlu dinyatakan.

Mahathir bin Mohamad mempunyai keberanian itu.

Rakyat Malaysia menyambut Wawasan 2020 dengan hati terbuka. Negara Malaysia mencapai konsensus pertama dalam generasi kedua Malaysia sebagai sebuah negara merdeka.

Apabila Dr Mahathir memulakan ucapan perasmiannya, beliau secara melawak menyatakan harapannya supaya 100 tahun daripada hari ini tidak akan ada orang yang datang ke tempat perasmian kongres itu terperanjat apabila menyaksikan yang tinggal hanya kesan-kesan sejarah dan bukannya kemajuan

seperti yang dirancang.

Katanya, walaupun kesan-kesan peninggalan sejarah boleh menarik pelancong, beliau berharap perkara itu tidak berlaku di Malaysia 100 tahun daripada hari ini.

"Kita harap apa yang kita rancang sekarang berjaya supaya nanti orang tidak datang hanya untuk melihat kesan-kesan peninggalan sejarah tetapi kemajuan kita," katanya. -- Bernama.

AH OBA